

# **APLIKASI MESEJ AL-QURAN DAN HADITH DALAM DRAMA DAKWAH: KAJIAN DRAMA TANAH KUBUR DI MEDIA ASTRO OASIS**

**Monika @ Munirah Abd Razzak**

*Ph.D. (Al-Quran dan Al-Sunnah), Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Hadith,  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia  
Email: [munirahar@um.edu.my](mailto:munirahar@um.edu.my)*

**Norrodzoh Hj Siren**

*Ph.D. (Rhetoric Of Writing), Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia  
Email: [raudah68@um.edu.my](mailto:raudah68@um.edu.my)*

**Nik Mohd Zaim Ab Rahim**

*Ph.D., Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia  
Email: [nmzaim.kl@utm.my](mailto:nmzaim.kl@utm.my)*

**Siti Aminah Ngadiman**

*Pelajar Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia*

---

## **Abstrak**

Drama memberi kesan yang sangat signifikan dalam sanubari penonton siaran televisyen terutamanya drama Tanah Kubur yang sarat dengan mesej dan pengajaran buat umat Islam. Atas pencapaian arahan pengarah Rashid Sibir, drama yang telah disiarkan semenjak awal tahun 2011 ini telah mencatat rating tertinggi dalam sejarah drama Astro Oasis sepanjang 13 musim bersiaran. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti ayat-ayat al-Quran dan hadith yang dijadikan rujukan dalam drama ini, serta menjelaskan mesej dan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang mengaplikasikan metode observasi iaitu pemerhatian tanpa turut serta dan menggunakan metode analisis data seperti metode induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian menunjukkan pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran dan penjelasan yang diperolehi dari hadith Rasulullah s.a.w. telah dirujuk oleh pihak penerbit untuk memastikan ia menepati syariat, tidak bercanggah dengan adab dan hukum syarak.

**Kata kunci:** Al-Quran, hadith, drama, dakwah dan media.

## Pengenalan

Manusia diciptakan oleh Allah sebagai makhluk yang bertanggung jawab untuk menyampaikan agama Allah dalam apa jua keadaan. Pendekatan yang jelas dan berstrategi mestilah diterapkan untuk memastikan mesej al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w difahami dan diamalkan selari dengan tuntutan syariat.

Kini, salah satu kaedah dakwah yang digunakan adalah dengan menghasilkan drama-drama yang berunsurkan Islam. Ini kerana, drama lebih diminati dalam kalangan para penerbit kerana ia mendapat tempat di hati para penonton yang beragama Islam khususnya dan kepada seluruh penduduk Malaysia amnya. Justeru, drama dakwah telah menjadi satu keperluan dalam menyebarkan dakwah Islam dan kaedah ini telah disampaikan melalui drama-drama di televisyen yang seiring dengan kemajuan dunia yang semakin meningkat. Oleh itu, drama dakwah yang dihasilkan bukan sekadar sebuah drama semata-mata, namun sebuah plot atau cerita yang berpandukan kepada budaya dan nilai keagamaan adalah lebih penting.

## Metode

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan metode observasi iaitu pemerhatian tanpa turut serta. Pengkaji telah menonton beberapa rakaman drama Tanah Kubur dari musim kelima dan juga musim kelapan menerusi aplikasi [youtube.com](https://www.youtube.com). Drama ini berkisar seorang penggali kubur yang bernama Tok Adi, dilakonkan oleh Nasir Bilal Khan yang memegang watak utama. Pelbagai kejadian aneh yang dialami oleh Tok Adi ketika menguruskan jenazah. Kesemuanya memberi pengajaran, menyentuh hati dan membuka minda pelbagai lapisan masyarakat. Seterusnya metode analisis data seperti metode induktif, deduktif dan komparatif turut digunakan pakai. Secara khusus metode analisis kandungan digunakan untuk menganalisis dokumen<sup>1</sup> (Bogdan & Biklen 1998) yang berupa teks, video, filem, memo, surat, diari dan pelbagai bentuk serta jenis. Ia juga merupakan satu prosedur yang sistematik untuk menjelaskan kandungan komunikasi.<sup>2</sup> Malah ia banyak digunakan dalam media komunikasi seperti surat khabar, filem dan televisyen.<sup>3</sup> Dalam hal ini, mesej al-Quran dan hadith dipaparkan dalam drama dakwah tersebut.

---

<sup>1</sup> Bogdan, R.C. & Biklen, S.K., *Qualitative Research for Education : An Introduction to Theory and Methods*.

(Boston :Allyn & Bacon, 1998), 75.

<sup>2</sup> Merriam, S.B. , *Qualitative Research and Case Study Application in Education*, (San Francisco:Jossey-Bass Pub, 2001), 157.

<sup>3</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. (Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012), 54.

## Definisi Drama

Drama berasal daripada bahasa Yunani, dran atau draomai yang bererti gerak.<sup>4</sup> Bukan gerakan tubuh badan tetapi gerakan yang halus, gerakan seni yang membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan. Di Yunani, gerakan ini dihubungkan dengan tarian, nyanyian, dan lakonan yang membawa cerita nyata atau simbolik. Definisi ini juga memang tepat kerana dalam persembahan drama teater, seringkali terdapat unsur nyanyian, tarian dan lakonan.<sup>5</sup>

Menurut Aristotle, drama adalah sebuah peniruan kehidupan yang menjadi cermin kepada sebuah budaya ataupun suatu bayangan kebenaran. Aristotle berpendapat, plot utama drama yang digerakkan mestilah dibina melalui tiga perkara iaitu aksi, tempat dan masa. Elemen inilah yang menjadikan drama adalah sebahagian daripada cabang sastera yang merangkumi elemen-elemen lain seperti lakon, seni muzik, seni bina, seni busana dan seni tari.<sup>6</sup>

Manakala Rahmah Bujang<sup>7</sup> pula mentafsirkan drama sebagai satu bentuk seni yang bersifat dramatik, iaitu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambat. Daya tarikan berjaya dilakukan apabila ia mampu memikat emosi pembaca atau penonton. Drama adalah karya yang dramatik kerana pengutaraan kisahnya seolah-olah menjawab persoalan-persoalan yang menarik perhatian, persoalan yang dramatik dari awal hingga akhir.

Dalam buku *The American College*, mengatakan bahawa drama adalah suatu karangan prosa dan puisi yang mempunyai dialog dan cereka yang mengandungi konflik supaya dapat dipentaskan dan dipertontonkan. Manakala mengikut takrif *Oxford Dictionary*, drama bermaksud komposisi prosa yang sesuai untuk dilakonkan di atas pentas yang mana penceritaannya akan disampaikan melalui dialog dan aksi, kemudian dipersembahkan dengan bantuan pergerakan, kostum dan latar hiasan seperti kehidupan yang sebenar.<sup>8</sup>

---

<sup>4</sup> Sihabudi, dkw, *Bahasa Indonesia 2 Edisi Pertama*, (Surabaya: Amanah Pustaka, 2009), 7. Hasanuddin & M. Hum, *Ensiklopedi Sastra Indonesia*, (Bandung: Penerbit Titian Ilmu Bandung, 2004), 229.

<sup>5</sup> Tjokroatmojo *Pendidikan Seni Drama (Suatu Pengantar)*, (Surabaya: Usaha Nasional, 1985), 21-24.

<sup>6</sup> Aristotle. *The Poetics of Aristotle*. Trans. Stephen Halliwell, (London: Duckworth, 1987), 9. Lihat juga Sachs. J. 2012. *Aristotle: Poetics [Internet Encyclopedia of Philosophy]* [www.iep.utm.edu/aris-poe/](http://www.iep.utm.edu/aris-poe/) Diakses pada 2 November 2017.

<sup>7</sup> Rahmah Bujang, *Drama Melayu dari Skrip Ke Pentas*, Ed. 2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka: 2015), 28.

<sup>8</sup> "Bimbingan Berkarya Menulis Skrip Drama", laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai

Secara umum, pengertian drama adalah karya sastra yang ditulis dalam bentuk dialog yang mempunyai cerita yang dipertontonkan di khalayak ramai. Pementasan drama pula, dikenali dengan istilah teater. Hal ini, dapat dikatakan bahawa drama adalah satu cerita yang diperagakan di panggung<sup>9</sup>.

Di peringkat permulaan, kewujudan drama Melayu dikenali dengan istilah wayang kulit.<sup>10</sup> Sementara itu, Mana Sikana<sup>11</sup> turut menjelaskan bahawa ia merupakan drama tradisional Melayu yang pertama dan tertua yang kemudiannya diikuti dengan permainan Mak Yong yang menggunakan manusia sebagai watak utama. Kedatangan penjajah barat telah merubah dunia drama Melayu dengan wujudnya persembahan bangsawan yang berasal daripada wayang Parsi.

Drama adalah suatu perkara yang penting kepada masyarakat kerana ia boleh diambil sebagai satu usaha untuk berkomunikasi mengenai sesuatu perkara yang menceritakan tentang kehidupan manusia atau masyarakat dan dilakukan untuk tontonan orang ramai. Drama mempunyai tiga kategori yang utama antaranya adalah drama tragedi, drama komedi dan juga drama melodrama.<sup>12</sup>

Dalam konteks Malaysia, drama televisyen seolah-olah menjadi salah satu sumber utama hiburan bagi penonton. Drama pada era 80-an dan 90-an biasanya diimport dari Amerika, Hong Kong, Taiwan, China dan Jepun. Namun bermula tahun 2000, Malaysia juga mengimport drama dari bahagian lain iaitu dari Asia dan Amerika Latin. Drama yang diimport itu disiarkan bersama drama tempatan yang mempunyai kadar *rating* penonton yang tinggi.<sup>13</sup>

Sementara kemunculan ramai penerbit-penerbit baru yang cuba untuk mengetengahkan bakat mereka dalam seni pengarahan drama merupakan antara faktor berlakunya perkembangan industri seni drama di Malaysia. Drama

---

2017, <http://laman.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=893&VertSectionID=25&CurLocation=208&IID=&Page=1>.

<sup>9</sup> Wiyanto, Asul, *Terampi Bermain Drama* (Jakarta: Grasindo 2007), 1.

<sup>10</sup> Hamzah Ismail, Sandiwara sebagai genre drama moden Malaysia, Tesis Sarjana Sastra Fakultas Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, (Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996), 13.

<sup>11</sup> Mana Sikana, *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 4-5.

<sup>12</sup> Halimaton Saadiah Ismail, "Unsur-unsur Dakwah Dalam Drama Dakwah Muharram TV3" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 24.

<sup>13</sup> Karthigesu, R., *The historical development of television in Malaysia:1963-1983*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 17-22. Rujuk juga Md Azalanshah Md Syed, Soap Opera As A Site For Engaging With Modernity Amongst Malay Women In Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*.13 (1) 2011: 17-36, doi: [http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/articles/2954/02\\_JPMM%202011\\_No\\_1.pdf](http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/articles/2954/02_JPMM%202011_No_1.pdf)

dakwah merupakan salah satu genre drama yang sedang mendapat perhatian ramai. Drama dilihat sebagai media alternatif kepada pendakwah untuk menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat.<sup>14</sup>

Pengaplikasian drama sebagai wasilah bagi menyampaikan mesej dakwah semakin popular dan pengaruhnya begitu kuat terhadap penonton. Menurut Asiah Sarji<sup>15</sup>, masyarakat menerima drama sebagai sebuah medium yang merakam semula realiti sesebuah bangsa. Ia juga menjadi alat propaganda yang paling berkesan bagi sesebuah negeri. Maka, tidak hairanlah sekiranya setiap drama yang ditayangkan sudah pasti mempunyai kelompok penontonnya yang tersendiri.

Kelebihan medium drama ini seharusnya dilihat sebagai sebuah peluang positif yang perlu direbut oleh setiap golongan pendakwah. Gabungan kepakaran antara golongan agama dan ahli sastera sudah pasti dapat menghasilkan sebuah karya seni yang dapat memberi mesej yang bermanfaat kepada penonton sekali gus membantu memartabatkan karya seni Islam.<sup>16</sup> Justeru pendekatan dakwah yang menggabungkan kepakaran dari pelbagai bidang dan sarat dengan mesej adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian untuk mencapai tahap keberkesanan yang maksimum.

### **Drama Sebagai Wasilah Dakwah**

Drama sebenarnya mampu menjadi salah satu cara yang berkesan dalam menyampaikan dakwah dan mempertahankan syiar Islam. Dalam sejarah Islam, karya seni seperti syair, puisi, cerita dan epic adalah digunakan sebagai wahana untuk menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat Arab yang mengagumi seni dan sastera.

Muhammad Walid al-Jadda menegaskan bahawa drama Islam adalah drama yang menemukan syariat Islam dengan alam kehidupan manusia yang sebenar. Ini bermaksud, drama dakwah ialah drama yang membawa unsur pengajaran tentang syariat Islam. Kewujudan wahana dalam drama ini membantu memudahkan gerak kerja dakwah kerana ia bukan disampaikan melalui lisan semata-mata bahkan telah bergerak melalui lakonan dan media

---

<sup>14</sup> Monika @ Munirah Abd Razzak, Nor Hizwani Ahmad & Thohir Nik Mohd Zaim Ab Rahim, *The Role Of Media In Education: The Study On The Drama 'Matahari Terbit Lagi' (The Sun Rises Again)*. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, Vol.12 No. 3, 2018, :9-29.

<sup>15</sup> Asiah Sarji, "Pembangunan Industri Perfileman Malaysia dalam Konteks Pendekatan Islam Hadhari" dalam *Komunikasi Di Malaysia: Suatu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, ed. Mohd Safar Hasim dan Zulkiple Abd. Ghani, (Bangi: Institut Islam Hadhari UKM, 2015), 263–226.

<sup>16</sup> Rosmawati Mohd Rasit dan Md Rozalafri Johori, Analisis Penerapan Dakwah di dalam Filem Semerah Padi, Dalam Muhamad Zaki Mustafa et al (Pyt.), *Representasi Islam Dalam Media*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2011),199.

untuk sampai kepada masyarakat. Ciri-ciri drama dakwah adalah seperti berikut:

- i. Drama yang dipertontonkan mestilah tidak bertentangan dengan akidah, syariat dan prinsip hidup.
- ii. Drama ini harus menentang mana-mana jua yang berbentuk kekejaman, kezaliman dan meletakkan Islam pada hadnya serta menghormati sesama manusia.
- iii. Drama ini haruslah ditulis dengan niat untuk beribadah kepada Allah untuk meraih keredaannya.
- iv. Drama juga seharusnya menggambarkan kehidupan kepada Allah sebagai *ta'abudiyah* dan hubungan manusia sesama manusia.
- v. Drama haruslah seiring dengan menonjolkan kisah manusia yang berjuang menegakkan keadilan dan kebenaran.

Drama dakwah mempunyai beberapa elemen seperti pendakwah (da'ie), orang yang menerima dakwah (mad'u), mesej dakwah (Islam) dan kaedah dakwah (uslub). Drama memainkan peranan penting bagi menyebarkan dakwah kepada masyarakat dan penerapan unsur dakwah perlu diletakkan dalam drama<sup>17</sup>.

### **Sinopsis Drama Tanah Kubur**

Drama Tanah Kubur adalah satu-satunya drama dakwah yang bersiaran mengikut musim. Drama ini sudah bersiaran sebanyak 8 musim yang diikuti dengan plot dan cerita yang berlainan pada setiap episod. Drama ini menceritakan pengalaman seorang penggali kubur yang dilakonkan oleh Nasir Bilal Khan yang memegang watak utama dalam drama ini iaitu sebagai Tok Adi. Beliau melalui pengalaman yang menginsafkan daripada kisah-kisah dan peristiwa aneh yang berlaku ketika menjadi penggali kubur yang menguruskan jenazah. Drama ini sangat menyentuh hati serta mampu membuka minda pelbagai lapisan masyarakat. Justeru, Rashid Sibir berhasrat untuk menerbitkan Tanah Kubur versi filem yang mempunyai skala ceritanya yang lebih besar dan menarik.<sup>18</sup> Sebenarnya, setiap permasalahan dan peristiwa aneh yang berlaku menunjukkan kepada masalah akidah, syariah dan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Oleh yang demikian, pelbagai balasan dipaparkan sebagai pengajaran bagi yang mereka yang masih hidup supaya dapat melaksanakannya dengan sebaik mungkin.

---

<sup>17</sup> Halimaton Saadiah Ismail, "Unsur-unsur Dakwah Dalam Drama Dakwah Muharram TV3", 24.

<sup>18</sup> Nor Akmar Samudin, "Tanah Kubur Menginsafkan," laman sesawang MyMetro, dicapai 8 April 2015, [http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/TanahKuburmenginsafkan/Article/article\\_print](http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/TanahKuburmenginsafkan/Article/article_print).

## Mesej Al-Quran dan Hadith Dalam Drama Tanah Kubur

Paparan jalan cerita drama hendaklah jelas dan mengandungi mesej-mesej penting. Dalam drama Tanah Kubur ini, mesej dakwah menerusi al-Quran dan hadith disampaikan dalam tiga bentuk, pertama berkaitan akidah iaitu kepercayaan yang menjadi tunjang keimanan kepada Allah. Kedua, syariah yang menjelaskan tentang keperluan pelaksanaan ibadah. Ketiga akhlak iaitu tingkah laku dan moral manusia serta muamalah mengenai hubungan sesama manusia seperti ekonomi, kebudayaan, sosial dan politik.

Mesej yang cuba disampaikan dalam drama Tanah Kubur adalah lebih kepada dakwah yang memberikan iktibar kepada masyarakat dan penonton. Drama Tanah Kubur masih mengekalkan manusia sebenar sebagai jenazah yang dikapankan mengikut ukuran kain kapan yang sebenar kerana drama ini ditonton oleh semua lapisan masyarakat. Ia juga masih mengekalkan kandungan mengenai balasan akibat perbuatan manusia semasa kematiannya. Rashid Sibir berkata, penceritaan ini lebih kuat dan mendalam dengan pendedahan terhadap balasan semasa melalui saat kematian dan ketika proses pengebumian.

Sebagaimana yang dimaklumi dalam al-Quran mengandungi 6236 ayat yang menerangkan pelbagai nasihat, panduan dan larangan kepada manusia termasuklah kisah mereka yang ditimpa azab sengsara akibat derhaka kepada Allah. Kisah umat yang ingkar kepada Allah dan banyak melakukan pelbagai kerosakan di muka bumi turut dibicarakan. Ia terkandung di dalam al-Quran bukan sekadar untuk dibaca, bahkan untuk dijadikan pengajaran dalam hidup. Sebagaimana firman Allah:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۚ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu, mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.

Surah al-Nahl (16): 36.

Rashid Sibir menyatakan segala yang dipaparkan bukanlah direka untuk tujuan komersial semata-mata, tetapi ia telah dirujuk berdasarkan beberapa

hadith dan kisah benar dari penggali kubur. Hal ini telah diungkapkan oleh beliau seperti berikut:

“Saya tidak semberono untuk menyangkan balasan-balasan tersebut, tetapi saya telah melakukan beberapa rujukan berdasarkan kepada kisah benar yang dilalui oleh orang lain. Selain itu, saya turut selitkan hadis-hadis bagi menguatkan lagi jalan cerita dan sebagai peringatan kepada penonton. Bagaimanapun, saya tidak menunjukkan balasan secara terperinci kerana kita sebagai umat Islam tidak boleh menggambarkan bagaimana bentuk hukuman yang dijanjikan oleh Allah kepada umatnya”<sup>19</sup>.

#### a. Akidah

Mesej al-Quran dan hadith mengenai akidah disampaikan dalam drama ini, seperti yang terdapat dalam Musim 8 Episod 7 bertajuk Minyak Daggu. Ia menceritakan tentang keburukan mendapatkan sesuatu dengan jalan yang dilarang oleh agama Islam iaitu dengan melakukan amalan syirik. Syirik yang dimaksudkan di sini bukan sahaja menduakan Allah. Malah menyamakan selain Allah dengan Allah pada perkara yang merupakan hak istimewa-Nya. Hak istimewa Allah adalah seperti ibadah, mencipta, mengajar, memberi manfaat dan mudarat, membuat hukum dan syariat<sup>20</sup>. Allah telah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ  
فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukannya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa Yang dikehendakinya (menurut aturan syariatnya) dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

Surah al Nisa' (4): 48.

Watak Tok Adi juga ada menjelaskan tentang bahaya syirik kepada anak dan isterinya dan beliau menyatakannya seperti berikut:

---

<sup>19</sup> Mustafa, Nutezzatul Aqmar, “Tanah Kubur: Musim Ketiga Sarat Mesej,” laman sesawang Sinar Harian, dicapai 6 April 2015, <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/tanah-kubur-musim-ketiga-sarat-mesej-1.22876>.

<sup>20</sup> Firdaus, Muhammad Ihsan, “Pengertian Syirik dan Bahayanya,” laman sesawang Catatan Muslim, dicapai 6 April 2015, <https://catatanmuslim.wordpress.com/2009/03/29/pengertian-syirik-dan-bahayanya/>.



“Menggunakan tangkal atau minyak pengasih untuk mengubah hati seseorang supaya sukakan kita adalah haram hukumnya. Maka perbuatan itu adalah berdosa, apatah lagi menggunakan minyak pengasih seperti Minyak Murai Gila. Oleh itu, arwah telah mendapatkan balasan yang setimpal dengan perbuatannya”.

Selain daripada mesej bahaya syirik yang ingin ditonjolkan dalam drama ini, terdapat juga gambaran tentang akibat daripada beramal dengan ilmu hitam bagi mendapatkan sesuatu. Sesuatu yang diperoleh daripada jalan yang salah akan memakan diri sendiri apatah lagi dengan cara menggunakan jin dan syaitan sebagai perantara. Sebagai contoh sihir adalah ajaran iblis dan syaitan yang bertujuan menjerumuskan manusia ke dalam penderitaan. Ia juga sebenarnya adalah ujian Allah yang berlaku dengan keizinan dan kehendak-Nya bagi menguji manusia dari segi kesabaran dan keimanan mereka. Hakikatnya secara jelas dalam firman Allah ada menyebut:

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ  
كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ... ﴿١٠٢﴾

“Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir...”

Surah al-Baqarah (2): 102.

Bagi mereka yang lemah imannya, mereka akan mudah terorong menggunakan khidmat bomoh, pawang, ahli sihir untuk menyakiti dan memusnahkan sesiapa sahaja yang mereka benci dan musuhi. Sihir membabitkan peranan langsung makhluk halus iaitu iblis, syaitan dan jin yang berperanan menyakitkan manusia apabila makhluk ini dipuja, disembah dan didaulat bagaikan ‘Tuhan yang disembah’ sehingga orang yang mengamalkan sihir dan yang memberi imbuhan kepada pengamal sihir, terjatuh ke lembah dosa besar syirik dan kufur kepada Allah. Misi terbesar iblis apabila dilaknat Allah ialah janjinya untuk menyesatkan seramai mungkin anak Adam sehingga mereka menjadi penghuni neraka bersamanya di akhirat kelak.

Menerusi hadith, Abu Musa Al-Ash’ari r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

عن أبي موسى الأشعري -رضي الله عنه- قال: قال رسول الله -صلى الله عليه وسلم ثلاثة لا يدخلون الجنة: مُدْمِنُ الحَمْرِ، وقاطعُ الرَّحِمِ، ومُصدِّقُ بالسِّحْرِ.

“Tidak akan masuk syurga penagih khamar juga tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahmi sebagaimana halnya tidak akan masuk syurga orang yang percaya kepada sihir<sup>21</sup>.”

Selanjutnya, mesej berkaitan akidah juga diselitkan dalam drama ini pada Musim 8 Episod 9 bertajuk Fadilat al-Fatihah yang mana Rasulullah bersabda dari Anas bin Malik iaitu:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَسَلَّمَ فِي مَسِيرٍ لَهُ ، فَتَزَلَّ وَنَزَلَ رَجُلٌ إِلَى جَانِبِهِ ، فَالتَّمَّتْ إِلَيْهِ فَقَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِأَفْضَلِ الْقُرْآنِ ؟ قَالَ : فَتَلَا عَلَيْهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

“...Boleh aku khabarkan seutama-utama Al-Quran? Bacalah Alhamdulillah Rabbil ‘Alamin.”<sup>22</sup>

Terdapat beberapa fadilat atau hikmah, apabila mengamalkan al-Fatihah dalam kehidupan seharian. Oleh sebab itu, al-Fatihah dibaca sebanyak 17 kali sehari dalam solat fardu. Seperti mana yang dikatakan oleh Tok Adi ketika bersama keluarganya:

“Sebenarnya, banyak sungguh hikmah dan rahsia yang terkandung dalam surah al-Fatihah ini. Cuma, kita ni saja yang tak nak mengamalkannya dalam kehidupan kita. Berkesan atau tidak ayat al-Quran yang dibaca itu bergantung pada sejauh mana semangat dan keyakinan kita bertauhid dan berserah kepada Allah. InsyaAllah, akhirnya akan memberi kesan dengan izin Allah. Arwah ini sepanjang hidupnya hanya mengamalkan Fatihah saja. Walaupun, seorang yang miskin tapi jiwanya kaya dan balasan Allah pada arwah amat nyata dan jelas hikmahnya”

---

<sup>21</sup> Hadith diriwayatkan oleh Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. *Al-Musnad*. Juz. 5. (Kaherah: Dar al-Hadith.t.t), 23. Hadith ini juga ada dalam dan Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad Al-Busti, Sahih Ibn Hibban, ia merupakan hadith sahih lighayrih. Rujuk juga dalam Ustaz Syarhan Syafie, “Ilmu Hitam (Sihir),” laman sesawang Hasnulhadiyah, dicapai 8 April 2015, <http://hasnulhadiyah.blogspot.com/2010/07/ilmu-hitam-sihir.html>.

<sup>22</sup> Al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din, *Al-Jami' al-Saghir Fi Ahadith al-Bashir Al-Nadhir*, Ed. 8 (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.) no hadith 1282. Hadith tersebut adalah sahih.

Imam Hassan al-Basri berkata, Allah menyimpan semua ilmu kitab terdahulu dalam al-Quran. Kemudian, dia menyimpan semua ilmu al-Quran dalam al-Fatihah. Maka, surah ini menjadi sumber dari segala sumber ilmu, sumber hikmah dan sumber rahmat Allah. Amat besar keagungan dalam surah al-Fatihah yang mana terdapat 7000 malaikat yang mengiringi untuk turunnya surat ini<sup>23</sup>. Oleh itu, antara hikmah dan fadilat surah al-Fatihah adalah seperti diampuni dosa, diterima kebaikan, dibebaskan lidah pembacanya dari api neraka, mendapat darjat yang tinggi dalam syurga dan sebagainya<sup>24</sup>.

## b. Akhlak

Mesej al-Quran dan hadith melalui akhlak turut disampaikan melalui drama ini. Contohnya, dalam Musim 5 Episod 12 bertajuk Panah Fitnah adalah berkaitan dengan bahaya menyebarkan fitnah terutamanya kepada orang yang terjaga akhlak dan kesucian dirinya. Daripada Abu Sa'id Al-Khudri r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إن الدنيا حلوة خضرة، وإن الله مستخلفكم فيها فينظر كيف تعملون، فاتقوا الدنيا، واتقوا النساء فإن أول فتنة بني إسرائيل كانت في النساء رواه مسلم

“Sesungguhnya dunia itu manis lagi hijau dan sesungguhnya Allah menjadikan kalian penguasa di atasnya lalu Dia memperhatikan apa yang kalian perbuat. Kerananya takutlah kalian kepada fitnah dunia dan takutlah kalian dari fitnah wanita, kerana sesungguhnya fitnah pertama yang menghancurkan Bani Israil adalah dalam kalangan wanita<sup>25</sup>”

Selain itu, Allah juga berfirman yang menyebutkan tentang bahaya fitnah:

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ تَقْتُلُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُمْ ۗ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ ۗ وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ ۖ فَإِن قَاتَلُوكُمْ فَاقْتُلُوهُمْ ۗ كَذَٰلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿١٩١﴾

---

<sup>23</sup> Lihyati, Mohd Makhdlori, Imam, “Di Balik Keagungan Surah Al-Fatihah,” dicapai 8 April 2015, <http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,12-id,43015-lang,id-c,bukut,Di+Balik+Keagungan+Surat+ Al+Fatihah-.phpx>.

<sup>24</sup> Al-Madadi, Wali, “Peutrang Kreatif dan Inovatif,” laman sesawang Hasnulhadiyahmad, dicapai 8 April 2015, <http://peutrang.blogspot.com/2013/09/13-keutamaan-membaca-surah-al-fatihah.html>.

<sup>25</sup> Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. *Sahih Muslim*. (Beirut: Dar Qurtubah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 2009), jil 2. 124, no hadith 2742.

Maksudnya: Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu; dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjid Al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir.

Surah al-Baqarah (2): 191.

Fitnah mampu menyebabkan kehormatan seseorang tercemar. Malahan, ia mampu memutuskan silaturahmi yang dibina. Allah amatlah melarangnya kerana akan menyebabkan fitnah terhadap saudara seislam kerana Islam sangat memelihara persaudaraan dan juga kehormatan diri. Seperti mana kata-kata yang terdapat dalam drama Tanah Kubur:

“Mak Syarifah: Saya dah beritahu dengan arwah Tok, jangan fitnah ustaz, tapi dia degil, dia buat juga, hari-hari dia buat surat tu. Dikutuknya ustaz tu, dia benci sangat dengan ustaz. Dia harap orang akan halau ustaz tapi orang tak halau, tu yang malam-malam dia pergi jumpa ustaz tu dan buat perkara tu tok, dia yang buat tok”.

“Tok Adi: Astaghfirullah, sebab itulah kita dilarang ada hasad dengki dan sikap suka memfitnah, buruk padahnya, banyakkkan baca al-Fatihah, Yassin dan al-Quran, sedekahkan kepada arwah, moga dia tenang di sana”.

### c. Syariah

Mesej al-Quran dan hadith melalui syariah pula dapat diperhati dalam Musim 5 Episod 4 bertajuk Haji Bakal adalah berkaitan dengan Encik Kamil seorang yang kaya yang bakal menunaikan ibadat haji. Namun dalam waktu yang sama beliau didatangi oleh anak yatim tiga beradik yang meminta pertolongan sumbangan wang RM 15,000 untuk rawatan sakit jantung berlubang. Dengan nada yang tinggi beliau mengherdik anak-anak tersebut. Lalu menyuruh mereka pergi dan mencari sumbangan daripada orang lain.

Dalam situasi tersebut bagaimanakah sepatutnya seorang Muslim bertindak dan membuat pertimbangan. Adakah seseorang merasa tenang untuk menjalani ibadat haji dalam keadaan jiran tetangganya dalam kesudahan?. Akhirnya Kamil sudi memberi bantuan untuk kos rawatan adik bongsu tiga

beradik tersebut dan mengenyahkan perasan megah beliau terhadap harta kekayaannya. Walau bagaimanapun, beliau meninggal dunia sebelum sempat menunaikan haji, dan semasa pengurusan jenazah dilakukan mayatnya berbau wangi. Begitulah balasan baik yang dipaparkan dalam episod kali ini.

﴿١٩﴾ وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

“Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian”.

Surah al-Dharyyat (51): 19.

Ibn Kathir menyatakan dalam kekayaan mereka ada hak atau bahagian tertentu yang kepada *sa'il* dan *mahrum*. *Sa'il* adalah orang miskin yang meminta kepada orang lain, dan dia mempunyai hak yang wajar. Adapun *mahrum*, Ibn 'Abbas dan Mujahid berpendapat orang miskin yang tidak menerima pewarisan. Umm al-Mukminin 'A'ishah r.a., menyatakan *mahrum*, adalah orang yang berpindah, yang tidak mempunyai profesion untuk memperoleh pendapatan dengan mudah. Manakala Qatadah dan al-Zuhri menyatakan *mahrum* adalah orang yang tidak meminta orang untuk apa-apa. Al-Zuhri menambah bahawa Rasulullah pernah menyatakan orang miskin bukanlah orang yang pergi mengelilingi orang ramai dan meminta suapan penuh atau dua atau satu biji kurma. Tetapi orang miskin adalah orang yang tidak dapat memenuhi keperluannya dan keadaannya tidak diketahui oleh orang lain, supaya orang lain dapat memberikan sesuatu dalam kebajikan.<sup>26</sup>

Malah dalam hadith Rasulullah s.a.w dari Mu'adh bin Jabal bahawa baginda bersabda:

...ألا أدلك على أبواب الخير : الصَّوْمُ جَنَّةٌ ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الحَطِيطَةَ كما يُطْفِئُ  
الماءُ النَّارَ...

“...Mahukah aku tunjukkan pintu-pintu kebaikan? Berpuasa itu perisai, sedekah itu boleh memadamkan kesalahan sebagaimana air memadamkan api...”<sup>27</sup>

Justeru dengan memenuhi keperluan dan desakan hidup anak-anak tersebut telah menghapuskan kesalahan Kamil berkasar dengan anak-anak tersebut dan menyelamatkannya dari azab kubur. Bahkan beliau mendapat ganjaran pahala di sisi Allah s.w.t. oleh sebab itu, masyarakat wajar mengambil pengajaran yang besar daripada fadilat sedekah ini walau ia bukan ibadat yang utama seperti solat, puasa atau haji yang menjadi rukun Islam.

---

<sup>26</sup> Ibn Kathir, 'Imad al-Din, Abu al-Fida' Isma'il al-Qurashiyi al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. jil. 13, Kaherah: Dar al-Hadith, 2002), 121.

<sup>27</sup> Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Sahih wa Da'if al-Tarhib al-Tarhib*, (Riyad: Maktabah Al-Ma'aarif, 2000), jil. 3, 135. no hadith 868, hadith ini adalah sahih lighayrih.

## Kesimpulan

Umat Islam amat memerlukan rancangan-rancangan televisyen yang dapat memaparkan corak dan budaya hidup berlandaskan agama. Ini kerana drama bukan hanya lakaran kanvas yang kosong tanpa pengisian nilai dan agama. Setiap paparan babak dan dialog mampu mengekspresikan kekuatan sesuatu bangsa dan agama yang diangkat menerusi drama tersebut. Rancangan-rancangan yang dipertontonkan tersebut akan mampu untuk mengubah persepsi baik dan buruk masyarakat terhadap apa yang dilihat. Oleh itu, media massa tidak boleh dipandang rendah oleh umat Islam. Drama-drama yang berunsur dakwah haruslah menjadi wadah pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dalam menyebarkan mesej-mesej al-Quran dan hadith kepada masyarakat.

Drama Tanah Kubur merupakan drama yang diolah dengan cara yang baik dan sarat dengan mesej-mesej dakwah yang mampu untuk memberikan kesan kepada jiwa masyarakat. Ia juga dianggap sebagai sebuah drama yang baik kerana kurangnya watak dan babak yang keterlaluan. Pelbagai mesej dakwah menerusi al-Quran dan hadith berjaya disampaikan dengan pendekatan ibrah. Semoga penghasilan drama dakwah ini diperbanyakkan lagi pada masa hadapan bagi membantu penonton memantapkan pegangan agama dan menjadikan akidah yang benar sebagai tunjang kebenaran serta paksi dalam kehidupan seharian.

## Penghargaan

Kajian ini mendapat peruntukan dana penyelidikan Universiti Malaya dari *Equitable Society Research Cluster* (ESRC) iaitu RP008C-13SBS

## Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. *Al-Musnad*. Juz. 5. Kaherah: Dar al-Hadith.t.t.

Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, *Sahih wa Da'if al-Targhib al-Tarhib*.

Riyad: Maktabah Al-Ma'arif, 2000.

Al-Madadi, Wali, "Peutrang Kreatif dan Inovatif," laman sesawang Hasnulhadihmad, dicapai 8 April 2015, <http://peutrang.blogspot.com/2013/09/13-keutamaan-membaca-surah-al-fatihah.html>.

Al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din. *Al-Jami' al-Saghir Fi Ahadith al-Bashir Al-Nadhir*, Ed. 8 (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.)

Aristotle. *The Poetics of Aristotle*. Trans. Stephen Halliwell. London: Duckworth, 1987.

Asiah Sarji. "Pembangunan Industri Perfileman Malaysia dalam Konteks Pendekatan Islam Hadhari" dalam *Komunikasi Di Malaysia: Suatu*

- Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, ed. Mohd Safar Hasim dan Zulkiple Abd. Ghani, Bangi: Institut Islam Hadhari UKM, 2015.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. *Qualitative Research for Education : An Introduction to Theory and Methods*. Boston :Allyn & Bacon, 1998.
- “Bimbingan Berkarya Menulis Skrip Drama”, laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 3 April 2017, <http://laman.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=vertsections&SubVertSectionID=893&VertSectionID=25&CurLocation=208&IID=&Page=1>.
- Firdaus, Muhammad Ihsan, “Pengertian Syirik dan Bahayanya,” laman sesawang Catatan Muslim, dicapai 6 April 2015, <https://catatanmuslim.wordpress.com/2009/03/29/pengertian-syirik-dan-bahayanya/>.
- Hadith diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn Hibban, Hadith sahih lighayrih.
- Halimaton Saadiah Ismail, “Unsur-unsur Dakwah Dalam Drama Dakwah Muharram TV3” (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.
- Hamzah Ismail. Sandiwara sebagai genre drama moden Malaysia, Tesis Sarjana Sastera Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.
- Hasanuddin & M. Hum. *Ensiklopedi Sastra Indonesia*. Bandung: Penerbit Titian Ilmu Bandung , 2004.
- Ibn Kathir, ‘Imad al-Din, Abu al-Fida’ Isma‘il al-Qurashiyi al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. jil. 13, Kaherah: Dar al-Hadith, 2002.
- Karthigesu, R. *The historical development of television in Malaysia:1963-1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.
- Lihyati, Mohd Makhdlori, Imam, “Di Balik Keagungan Surah Al-Fatihah,” dicapai 8 April 2015, <http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamics,detail-ids,12-id,43015-lang.id-c,bukut,Di+Balik+Keagungan+Surat+Al+Fatihah-.phpx>.
- Mana Sikana. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Md Azalanshah Md Syed, Soap Opera As A Site For Engaging With Modernity Amongst Malay Women In Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*.13 (1) 2011: 17-36, doi: [http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/articles/2954/02\\_JPMM%202011\\_No\\_1.pdf](http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/articles/2954/02_JPMM%202011_No_1.pdf)
- Merriam, S.B. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub, 2001.
- Monika @ Munirah Abd Razzak, Nor Hizwani Ahmad & Thohir Nik Mohd Zaim Ab Rahim, *The Role Of Media In Education: The Study On The*

- Drama 'Matahari Terbit Lagi' (The Sun Rises Again). *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, Vol.12 No. 3, 2018, :9-29.
- Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. *SahihMuslim*. Beirut: Dar Qurtubah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 2009.
- Mustafa, Nutezzatul Aqmar, "Tanah Kubur: Musim Ketiga Sarat Mesej," laman sesawang Sinar Harian, dicapai 6 April 2015, <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/tanah-kubur-musim-ketiga-sarat-mesej-1.22876>.
- Nor Akmar Samudin, "Tanah Kubur Menginsafkan," laman sesawang MyMetro, dicapai 8 April 2015, [http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/TanahKuburmen-ginsafkan/Article/article\\_print](http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/TanahKuburmen-ginsafkan/Article/article_print).
- Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.
- Rahmah Bujang. *Drama Melayu dari Skrip Ke Pentas*, Ed. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka: 2015.
- Rosmawati Mohd Rasit dan Md Rozalafri Johor. Analisis Penerapan Dakwah di dalam Filem Semerah Padi, Dalam Muhamad Zaki Mustafa et al (Pyt.), *Representasi Islam Dalam Media*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2011.
- Sachs. J. 2012. *Aristotle: Poetics [Internet Encyclopedia of Philosophy]* [www.iep.utm.edu/aris-poe/](http://www.iep.utm.edu/aris-poe/) Diakses pada 2 November 2017.
- Sihabudi. *Bahasa Indonesia 2 Edisi Pertama*. Surabaya: Amanah Pustaka, 2009.
- Tjokroatmojo. *Pendidikan Seni Drama (Suatu Pengantar)*. Surabaya: Usaha Nasional, 1985.
- Ustaz Syarhan Syafie, "Ilmu Hitam (Sihir)," laman sesawang Hasnulhadihmad, dicapai 8 April 2015, <http://hasnulhadihmad.blogspot.com/2010/07/ilmu-hitam-sihir.html>.
- Wiyanto, Asul. *Terampi Bermain Drama*. Jakarta: Grasindo 2007.